

**APLIKASI *FIQH AL-TA'AYUSH* YANG BERORIENTASIKAN PRINSIP
WASATIYYAH DALAM MEMBINA KEHARMONIAN MASYARAKAT
MAJMUK DI MALAYSIA**

(Application of *Fiqh Al-Ta'ayush* Based on the *Wasatiyyah* Principle in Constuction
of Harmonious Multi-racial Community in Malaysia)

¹ MOHAMMAD NAQIB HAMDAN

² MOHD ANUAR RAMLI

³ SYAMSUL AZIZUL MARINSAH

² RAHIMIN AFFANDI ABDUL RAHIM

⁴ MUHD IMRAN ABDUL RAZAK

² MUHAMMAD IZZUL SYAHMI ZULKEPLI

¹ Akademi Tamadun Islam, Universiti Teknologi Malaysia, 81310 Skudai, Johor
Bahru, Johor

² Jabatan Fiqh dan Usul, Akademi Pengajian Islam, 50630 Universiti Malaya, Kuala
Lumpur

³ Pusat Penataran Ilmu dan Bahasa, Universiti Malaysia Sabah, 88999 Kota
Kinabalu, Sabah

⁴ Akademi Pengajian Islam Kontemporari, Universiti Teknologi Mara Kampus Seri
Iskandar, 32610 Perak

ABSTRAK

Malaysia merupakan sebuah negara yang berbilang bangsa, agama dan budaya seterusnya memberi kesan kepada pasang surut dalam interaksi dan komunikasi sosial. Saban hari timbul isu sensitif yang melibatkan dimensi agama, kaum, politik dan ekonomi. Jika tidak ditangani dengan baik, ia akan menjadi duri dalam daging yang menghambat proses perpaduan antara kaum di Malaysia. Justeru, segregasi sosial dan budaya ini perlu diharmonikan bagi mewujudkan suasana yang kondusif dan penuh kedamaian. Antara pendekatan yang boleh digunapakai adalah *fiqh al-Ta'ayush* (co-existence) antara kaum dan agama yang berpaksikan prinsip

kesederhanaan yang pernah dipraktikkan pada zaman Nabi SAW dan Khulafa' al-Rasyidin. Sehubungan itu, kajian kualitatif ini membincangkan tentang konsep *fiqh al-Ta'ayush* yang berorientasikan prinsip kesederhanaan (*wasatiyyah*) yang menjadi teras dalam menangani isu sensitif dalam masyarakat majmuk di Malaysia. Dengan aplikasi *fiqh al-Ta'ayush* yang melibatkan penyertaan aktif semua pihak di Malaysia, diharapkan Islam sebagai agama rahmatan lil 'alamin dapat direalisasikan bagi menjamin keharmonian hidup masyarakat berbilang kaum dan agama di Malaysia.

Kata kunci: Hubungan sosial; komunikasi multikultural; isu sensitif; toleransi; *fiqh al-Ta'ayush*

ABSTRACT

*Malaysia is a multi-racial, multi-religious and multi-cultural country. This situation affects social and communication interaction and trigger to some sensitive issues related to religious, racial and political dimensions. It will delay the unity process among Malaysia citizen if these issues not handled properly. Social and cultural segregation need to be harmonized to create a conducive and peaceful environment. One of the approaches is the *fiqh al-ta'ayush* (co-existence) between the races and religions that is based on the principles of *wasatiyyah* which was practiced by Prophet Muhammad peace be upon him and Khulafa' al-Rashidin. This qualitative study will discuss the concept of *fiqh al-ta'ayush* which is based on the principle of *wasatiyyah* to address sensitive issues in Malaysia. Application of *Fiqh Ta'ayush* by all parties in Malaysia will present Islam as a compassion (*rahmatan lil-alamin*) and ensure the harmony environment in multi-racial and multi-religious in Malaysia.*

Keywords: *Social relations; multicultural communication; sensitive issues; tolerance; *fiqh of co-existence**

PENGENALAN

Asas dalam hubungan sosial sesama manusia adalah perdamaian. Konflik, permusuhan dan perselisihan dapat merosakkan hubungan sosial. Sehubungan itu, Islam datang dengan menawarkan konsep kehidupan bersama yang harmoni melibatkan masyarakat Islam dan juga sesama bukan Islam. Malah, dikotomi *Dar al-Islam* dan *Dar al-Harb* adalah manifestasi daripada tindak balas pihak lain terhadap perdamaian yang dihulurkan. Banyak ayat al-Quran, hadis Nabi SAW dan amalan Khulafa' al-Rasyidin sebagai contoh model kehidupan bersama yang harmoni dengan penganut agama lain. Model ini dapat diaplikasikan dalam masyarakat majmuk di Malaysia.

Masyarakat Malaysia ibarat sebuah miniatur Asia, yang komposisinya terdiri dari masyarakat berbilang kaum dan agama. Sejak zaman kesultanan Melayu Melaka,

suasana *al-Ta'ayush al-silmi* (kehidupan yang harmoni) telah mewarnai hubungan sosial masyarakat berbilang kaum. Mereka hidup bersama secara aman lagi damai. Kemuncaknya dapat dilihat dengan berlakunya asimilasi kaum lain ke dalam kebudayaan Melayu umpama etnik Baba Nyonya, Darah Keturunan Arab (DKA), Darah Keturunan Keling (DKK) dan sebagainya. Kehidupan dalam keadaan aman dan damai itu berlanjutan hinggalah ke pasca kemerdekaan kini. Walaupun konflik, pergaduhan dan perselisihan secara relatifnya wujud dalam tiap zaman, namun berjaya dikawal oleh pemerintah melalui beberapa tindakan pencegahan dan juga usaha pembentukan perpaduan antara kaum dan agama. Malah, konflik yang timbul pasca pembentukan masyarakat majmuk masih boleh dikira relatif rendah berbanding negara lain yang cenderung kepada tindakan ekstrem genosid dan penghapusan etnik.

Jelasnya, peralihan dari masyarakat Melayu-Islam mono etnik kepada masyarakat majmuk yang multietnik dan agama telah berlangsung dalam suasana yang aman damai tanpa berlaku pemaksaan dan peperangan atau rasa ketidakpuasan hati masyarakat asal di Tanah Melayu. Masyarakat Melayu penuh dengan sikap toleransi dan berlapang dada dapat menerima kehadiran kaum lain sebagai warganegara. Kontrak sosial yang terpahat ini perlu dihargai oleh semua pihak demi menjaga hubungan sosial yang harmoni. Hal ini kerana masyarakat Melayu-Islam telah memahami dan mengaplikasikan komponen *fiqh al-Ta'ayush*. Sehubungan itu, *fiqh al-Ta'ayush* yang berorientasikan prinsip *wasatiyyah* dapat dijadikan asas dan model dalam membentuk negara Malaysia baharu.

METODOLOGI KAJIAN

Kajian ini adalah kajian kualitatif yang menggunakan metode kajian analisis dokumen (Bowen 2009). Dokumen yang dijadikan sebagai sumber kajian terbahagi kepada dua jenis iaitu sumber dari laman sesawang dan sumber dari buku Islamik sama ada klasik dan kontemporari. Laman sesawang yang dirujuk melibatkan keratan akhbar elektronik seperti Astro Awani, Berita Harian, Sinar Harian, Harian Metro, *Free Malaysia Today*, *MStar*, *The Star* dan Utusan Malaysia, dan juga laman sesawang rasmi Badan Bukan Kerajaan iaitu IsmaWeb dan kementerian iaitu Kementerian Pendidikan Malaysia. Rujukan terhadap laman sesawang adalah bagi mengetahui isu-isu tertentu yang melibatkan hubungan sosial masyarakat majmuk di Malaysia, manakala rujukan terhadap sumber dari buku Islamik sama ada klasik dan kontemporari adalah bagi memahami konsep sebenar *fiqh al-Ta'ayush* yang diajarkan oleh Islam kepada penganutnya serta manusia secara keseluruhan. Justeru, data-data tersebut dikumpul melalui kaedah persampelan bertujuan (Palinkas et al. 2015; Benoot 2016). Data yang terkumpul dianalisis secara diskriptif dan tematik bagi menggambarkan isu yang timbul serta penyelesaian yang telah dicadangkan oleh Islam.

ISU-ISU DALAM HUBUNGAN SOSIAL MASYARAKAT MAJMUK DI MALAYSIA

Hubungan sosial antara kaum dan agama dalam masyarakat majmuk di Malaysia berada dalam keadaan pasang surut. Sering kali isu etnik perkauman dan agama menjadi modal provokasi terkuat bagi membakar api sensitiviti. Walaupun kadangkala isu yang berlaku cenderung kepada isu politik, ekonomi dan sosial, namun ia akan berakhir dengan isu perkauman dan agama. Antara isu yang timbul ini melibatkan ketidakpuasan pihak tertentu terhadap hak istimewa Melayu, kedudukan Islam sebagai agama rasmi, menuntut hak dan kesamarataan antara kaum, agama dan gender (Mohd Anuar et al. 2018a). Tegasnya, isu sensitif yang timbul ini dapat menjejaskan pola hubungan sosial yang harmoni antara kaum dan agama dalam konteks masyarakat majmuk di Malaysia. Secara umumnya, terdapat beberapa isu sensitif yang melibatkan agama dan kaum di Malaysia. Lazimnya isu yang berlaku melibatkan orang Islam dan bukan Islam. Antaranya:

1. Penggunaan kalimah Allah

Isu penggunaan kalimah Allah ini melibatkan orang Islam dan Kristian. Hal ini timbul berikutan pihak *The Herald* menggunakan kalimah Allah bagi merujuk kepada tuhan Kristian (Gereja Roman Katolik) dalam majalah mingguan terbitannya (*Sinar Harian* 2014). Penggunaan kalimah tersebut mendapat tentangan keras daripada orang Islam. Mereka berpendapat bahawa penggunaan kalimah Allah adalah khusus kepada orang yang beragama Islam, bukan sebaliknya. Selain itu, penggunaan kalimah ini juga mampu mengelirukan para pembaca khususnya kanak-kanak. Ekoran daripada itu, isu ini telah dibicarakan dalam Mahkamah Persekutuan. Perbicaraan mahkamah berakhir dengan keputusan larangan penggunaan kalimah Allah dalam *The Herald* (Mstar 2015).

2. Hak penjagaan anak pasangan beza agama

Isu penentuan agama dan hak penjagaan anak sering dibahaskan apabila salah seorang daripada pasangan perkahwinan memeluk agama Islam. Perkara yang menjadi tonggak permasalahan adalah berlakunya pertindihan kuasa antara Mahkamah Syariah dan Mahkamah Sivil. Keputusan hak penjagaan anak tidak dapat diselaraskan berikutan kedua-dua badan ini mempunyai autoriti yang sama dalam membuat keputusan (Utusan 2016). Umpamanya kes penjagaan anak pasangan N. Viran dan S. Deepa yang berlaku pada akhir tahun 2014 (*The Star* 2014).

3. Tuntutan jenazah mualaf

Isu ini melibatkan orang Islam dan agama lain. Situasi tersebut berlaku apabila si mati tidak jelas status agamanya. Rentetan itu keluarganya yang masih belum Islam ingin menguruskan mayat mengikut kepercayaannya yang asal. Sebaliknya dalam agama Islam, pengurusan jenazah orang Islam perlulah dilaksanakan mengikut cara yang digariskan syarak. Sebagai contoh, kes seorang lelaki mualaf yang meninggal dunia di Hospital Kuala Lumpur (HKL). Perebutan jenazah berlaku antara pihak HKL dengan keluarga si mati yang masih menganut agama asal si mati (Berita Harian 2015).

4. Pindaan Akta 355

Pada pertengahan tahun 2016, seorang pemimpin parti politik mengemukakan cadangan pindaan RUU355 di Dewan Rakyat (FMT 2018). Cadangan tersebut dikemukakan berikutan peruntukan hukuman sedia ada dilihat tidak lagi relevan diaplikasi pada masa kini. Oleh sebab itu, cadangan berkenaan peningkatan kadar hukuman ke atas kesalahan jenayah syariah dilakukan. Hukuman maksimum jenayah syariah yang sedia hanyalah berkadar denda RM5000, tiga tahun penjara dan enam kali sebatan. Manakala, cadangan yang dikemukakan ahli parlimen tersebut, kadar maksimum hukuman perlu dinaikkan kepada denda RM10 000, 10 tahun penjara dan 100 kali sebatan. Namun begitu, cadangan tersebut mendapat tentangan sebahagian orang bukan Islam.

5. Penggunaan pembesar suara

Isu ini melibatkan orang yang Islam dan bukan Islam di kawasan kejiranan yang bercampur. Biasanya pembesar suara digunakan untuk dialunkan azan, majlis ilmu, bacaan al-Quran dan tarhim sebelum azan dilaungkan (Astro Awani 2014a). Namun begitu, bagi sesetengah masyarakat, penggunaan pembesar suara oleh pihak masjid dan surau terutamanya pada waktu pagi dianggap mengganggu ketenteraman mereka.

6. Membawa anjing dalam troli

Isu ini berlaku apabila sebahagian orang bukan Islam meletakkan anjing iaitu haiwan peliharaan mereka di dalam troli yang disediakan oleh pihak pasar raya untuk meletakkan barang yang dibeli (Mstar 2018). Hal ini menimbulkan rasa kurang selesa dalam kalangan pengguna Muslim disebabkan kedudukan haiwan tersebut dalam Islam sebagai najis *mughallazah* iaitu najis berat. Kesannya, pihak pasar raya perlu menyertu kesemua troli yang ada bagi menjaga kebajikan pelanggan.

7. Dobi mesra Muslim

Isu ini tular apabila seorang pengusaha Muslim memperkenalkan dobi yang patuh syariah dan mengkhususkan penggunaannya kepada pelanggan yang beragama Islam sahaja (Sinar Harian 2017). Pada kebiasaan amalan masyarakat Malaysia, perkhidmatan dobi sebelum ini tidak mempunyai batasan agama dalam penggunaannya. Isu ini menjadi sensitif berikutan pengkhususan perkhidmatan kepada pelanggan yang beragama Islam sahaja yang dibuat oleh pengusaha Muslim.

8. Mencabar fakta status asal orang Melayu

Isu berkenaan status asal orang Melayu kembali pasca PRU14 dengan mempertikaikan status orang Melayu sebagai penduduk asal di Malaysia (Utusan 2014). Mereka mendakwa orang Melayu merupakan pendatang ke negara Malaysia. Kesannya kaum lain turut mempunyai hak sama rata di Malaysia, bukan hanya melebihi orang Melayu dengan hak istimewa. Kejahilan sejarah ini tidak wajar berlaku dalam negara Malaysia moden (Utusan 2018a).

9. Mencabar hak keistimewaan Melayu dalam perlembagaan

Isu ini melibatkan pengedaran laporan akhbar dalam bahasa Mandarin oleh Menteri Kewangan dilihat hanya memberi fokus kepada pengguna bahasa dan cuba untuk mengubah norma bahasa yang diguna pakai kerajaan. Begitu juga pengiktirafan UEC (Unified Examination Certificate) yang dianggap bertentangan dengan Perlembagaan Persekutuan yang menetapkan bahasa Melayu sebagai bahasa kebangsaan. Pengiktirafan UEC dianggap memberi ancaman kepada kedaulatan Malaysia. Hal ini membimbangkan pelbagai pihak antaranya Ikatan Guru-Guru Muslim Malaysia (I-Guru) (Utusan 2018b). Dalam masa yang sama, bantahan pengiktirafan UEC juga dilakukan sebilangan rakyat melalui demonstrasi terbuka (Utusan 2018c). Selain isu bahasa, ia juga mewujudkan dualisme sistem pendidikan dan menjarakkan jurang perpaduan kaum di Malaysia.

10. Mempersoalkan kedudukan Institusi Beraja

Isu berhubung kedudukan institusi beraja telah lama ditimbulkan oleh kumpulan ultra-pluralis. Selanjutnya, isu ini kembali diperjuangkan pasca PRU14. Sebagai contoh, berlaku kelewatan dalam proses mengangkat sumpah jawatan. Rentetan itu, pelbagai suara dilontarkan bagi mempersoalkan kerelevanan dan kedudukan institusi beraja. Malah, terdapat sesetengah pihak membocorkan perbelanjaan rasmi bagi membangkitkan sentimen anti sistem beraja (Malaysia Kini 2018).

11. Menuntut supaya Universiti Teknologi MARA (UiTM) dibuka untuk semua kaum

Isu ini timbul apabila pihak HINDRAF menuntut agar kuota UiTM dibuka kepada semua kaum (Metro 2018). Pembukaan ini boleh menjejaskan hak Bumiputera berkenaan hak Bumiputera yang telah disepakati melalui kontrak sosial pasca merdeka (Ismaweb 2018). Namun begitu, pihak UiTM tidak akan membuka kuotanya kepada selain Bumiputera dan tiada perubahan yang berlaku dalam dasar UiTM (Utusan 2018d).

12. Hak sama rata bagi golongan lesbian, gay, biseksual dan transgender/transeksual (LGBT)

Kelompok LGBT dan pendokongnya mendesak untuk mendapat layanan samarata daripada pihak kerajaan atas nama hak asasi manusia. Golongan ini mendakwa terdapat diskriminasi yang ditimbulkan masyarakat kepada mereka (Berita Harian 2018). Apabila diteliti semula, perjuangan berkaitan LGBT yang digagas kumpulan pro-LGBT ini telah mengeneppikan panduan syariah yang berasaskan petunjuk al-Quran dan al-Sunnah di samping bertentangan dengan norma Melayu yang menjadi pegangan masyarakat Melayu di Malaysia.

13. Debat bahasa Inggeris

Debat Piala Tun Razak adalah debat dalam Bahasa Inggeris dalam format bahas ala parlimen diadakan di Sekolah Dato' Abdul Razak, Seremban, Negeri Sembilan sejak tahun 2009. Pertandingan debat tersebut disertai oleh pelajar tingkatan satu hingga tiga pada 14 Oktober 2019 (Berita Harian 2019a). Pada tahun ini, pertandingan debat yang dianjurkan menimbulkan krisis dan kontroversi kerana usul pertandingan debat yang ditetapkan sangat sensitif. Antaranya adalah usul mencadangkan penulisan semula al-Quran kerana kandungan yang terdedah kepada pentafsiran yang radikal. Manakala, usul yang kedua adalah homoseksual bukanlah dosa dalam Islam kerana tiada larangan yang jelas daripada Tuhan (dalam al-Quran) yang menegaskan bahawa perbuatan homoseksual adalah sebuah dosa. Jelasnya kedua-dua tajuks ini bertentangan dengan syariat Islam (KPM 2019).

14. Berdoa dengan cara agama lain dalam majlis rasmi

Peristiwa ini dilaporkan berlaku di sebuah sekolah di Pulau Pinang. Dalam acara rasmi, iaitu Hari Anugerah Kecemerlangan Sekolah, bacaan doa agama Kristian dilakukan secara terbuka. Walaupun sekolah berkenaan di bawah pengurusan gereja, namun pihak sekolah telah mendapat bantuan penuh kerajaan di samping majoriti pendidik dan pelajarnya beragama Islam (FMT 2019). Asasnya tindakan ini bercanggah dengan Perlembagaan Persekutuan Artikel 11(4) yang melarang pengembangan agama lain kepada orang Islam.

15. Menyebarkan komik propaganda di sekolah

Terdapat pihak yang mengeluarkan komik *Inisiatif Jalur dan Jalan Meraih Manfaat Bersama* yang bersifat propaganda dan boleh menjadi benih kebencian kaum dalam negara (Astro Awani 2019b). Komik berkenaan diterbitkan pada April 2019 dalam bahasa Melayu, Cina dan Inggeris. Komik propaganda politik ini didakwa telah diedarkan di Sekolah Menengah Jenis Kebangsaan (SMJK) dan Sekolah Jenis Kebangsaan (SJK) secara percuma. Sedangkan komik tersebut tidak pernah mendapat kelulusan daripada Kementerian Pendidikan Malaysia. Malah pihak Kementerian Dalam Negeri (KDN) telah mengeluarkan perintah larangan terhadap penerbitan komik berkenaan (Harian Metro 2019).

16. Menghina tulisan jawi

Pengenalan tulisan khat atau seni kaligrafi dalam Kurikulum Tahun 4 Bahasa Melayu untuk sekolah vernakular disalahtafsirkan dengan mewajibkan pembelajaran tulisan jawi kepada orang bukan Islam. Orang bukan Islam memberikan respons yang negatif. Malah ada ahli politik yang menghina dan mengaitkan tulisan jawi dengan majalah lucu (Berita Harian 2019b). Di samping itu, terdapat ahli politik yang mengaitkan pengenalan tulisan jawi (khat) dengan tindakan menyapu tahi lembu di muka untuk menggambarkan kehinaan tulisan jawi (Malaysia Today 2019). Sedangkan pengenalan tulisan khat (jawi) hanyalah cabang kepada seni tulisan sahaja.

17. Membenarkan minum arak secara terbuka

Minuman arak boleh mendatangkan kemudaratan sosial. Undang-Undang Kecil Taman (2005) yang diguna pakai oleh PBT negeri Selangor tidak menetapkan larangan untuk meminum arak di taman awam (Berita Harian 2019c). Walaupun tiada peraturan melarang orang ramai minum arak di tempat awam di Selangor seperti larangan merokok, namun harus difahami bahawa ia bukanlah ruang yang perlu disalahgunakan. Hal ini kerana minum arak dan mabuk secara terbuka boleh mengganggu ketenteraman awam dan menimbulkan pergaduhan (Sinar Harian 2019).

Jelasnya, berdasarkan isu-isu sensitif tersebut, jelas menunjukkan sikap yang ekstrem dan pendekatan provokatif dalam mengambil kesempatan dan menanggung di air keruh oleh pihak tertentu demi perjuangan diri. Sikap ini sangat berbahaya dan menjadi ancaman kepada keutuhan terhadap hubungan antara agama dan kaum dalam masyarakat majmuk di Malaysia. Hal ini disebabkan bagi masyarakat Melayu, persoalan adat, budaya, bahasa, institusi beraja dan agama Islam merupakan unsur yang sensitif kerana ia melibatkan maruah dan kedaulatan bangsa (Mansor 2010). Sehubungan itu, bagi menjaga keharmonian bersama, tiap pihak perlu menekankan

kepada pendekatan wasatiyyah dalam mewujudkan suasana harmoni dalam kehidupan bersama (*al-Ta'ayush*) dalam masyarakat majmuk di Malaysia.

KONSEP *FIQH AL-TA'AYUSH*

Fiqh Ta'ayush (فِقْهُ التَّعَايُشِ) adalah istilah baharu dalam dunia fiqh semasa (Dusuki 2017) yang menggabungkan dua perkataan iaitu *fiqh* yang membawa maksud kefahaman yang mendalam dan *ta'ayush* yang membawa maksud kehidupan yang terbina dari sifat cinta dan belas kasihan (*Majma' al-Lughah al-'Arabiyyah* t.t.). Menurut kamus *al-Wasit*:

تعاشوا: عاشوا على الألفة والمودة، ومنه التعايش السلمي، وعاشه: عاش معه.

Terjemahan: *Ta'ayush* bermaksud saling hidup di dalam kelembutan dan kasih sayang, seperti *al-Ta'ayush al-silmi* yang bermaksud saling hidup dalam keadaan harmoni. *'Ayashahu* bermaksud saling hidup bersamanya.

Perkataan *ta'ayush* berasal dari kata kerja عَاشَ yang terbina di atas *wazan* فَاعَلَ. Salah satu dari maksud *wazan* ini adalah المَشَارَكَةُ iaitu kesalingan yang semestinya melibatkan dua pihak atau lebih (al-Asmar, 1997). Justeru, *fiqh ta'ayush* boleh dianggap sebagai salah satu dari bahagian fiqh yang mengkaji mengenai hukum-hakam berkaitan dengan interaksi sosial yang melibatkan manusia berbilang jantina, bangsa, agama dan negara untuk membangunkan kehidupan bersama secara harmoni.

Konsep *fiqh ta'ayush* telah diamalkan oleh Nabi SAW sendiri dan diteruskan Khulafa' al-Rashidin, walaupun istilah ini hanya mula digunakan dalam abad ke-14 hijriah. Konsep *fiqh ta'ayush* boleh dilihat menerusi beberapa ayat al-Quran dan hadis Nabi SAW sandaran utama fiqh ini. Selain itu, Khulafa' al-Rashidin juga menjadi tunjang penerusan konsep ini dengan mengaplikasikannya dalam ruang lingkup kehidupan sama ada sebagai pemerintah dengan rakyat, atau dengan pemerintah dari negara lain. Salah satu aplikasi dari konsep *fiqh ta'ayush* adalah kehidupan secara aman damai iaitu *al-Ta'ayush al-Silmi* (التَّعَايُشُ السَّلْمِيُّ). Dari segi sejarah, istilah ini diterjemah dari Bahasa Inggeris iaitu *peaceful coexistence*. Ia mula diperkenalkan oleh kerajaan Soviet dalam rangka memupuk kerjasama antara negara yang bersekutu dengan Soviet (Blok Timur) seperti China, dengan Blok Barat yang diketuai oleh Amerika Syarikat ketika era Perang Dingin yang bermula selepas tamat perang dunia ke-2 pada tahun 1945. Tokoh yang menggunakan istilah ini adalah ahli politik dari Soviet bernama Nikita Sergeyeovich Khrushchev (1959). Beliau telah menulis sebuah artikel bertajuk *On Peaceful Coexistence* yang telah diterbitkan oleh *Foreign Affairs* pada tahun 1959. Menerusi artikel ini, beliau ingin memaklumkan kepada kerajaan Amerika Syarikat secara khusus dan para pembaca dari Amerika Syarikat secara umum tentang pandangan Soviet mengenai *Peaceful Coexistence*.

Antara isi penting artikel beliau adalah kerjasama antara Blok Timur yang diketuai oleh Soviet dengan Blok Barat yang diketuai oleh Amerika Syarikat bukanlah sesuatu yang mustahil walaupun wujud perbezaan ideologi yang ketara dan bertentangan. Menurut beliau lagi, konsep *peaceful coexistence* ini bukanlah perkara baru bagi kerajaan Soviet, sebaliknya telah dipraktikkan hampir 40 tahun sebelumnya (Khrushchev 1959; Lerner 1964). Secara umum, idea *peaceful coexistence* ini merupakan salah satu dari usaha mengurangkan ketegangan antara Blok Timur yang berfahaman sosialis dengan Blok Barat yang berfahaman kapitalis supaya kedua-dua pihak dapat meneruskan hubungan politik yang lebih stabil walaupun terdapat perbezaan dari segi pandangan politik dan ekonomi.

Berdasarkan latar belakang istilah *peaceful coexistence* ini, al-Tuwaiji (1998) membahagikan *coexistence* kepada tiga peringkat iaitu (1) politik dan ideologi, (2) ekonomi dan (3) agama, budaya dan tamadun. Peringkat pertama iaitu politik dan ideologi adalah peringkat kerjasama atau *coexistence* antara dua negara seperti kerajaan Soviet dengan Amerika Syarikat atau *coexistence* antara ideologi kapitalis dengan sosialis. *Coexistence* ini mampu mewujudkan keamanan sejagat pada peringkat negara. Konsep *peaceful coexistence* agak lewat diperkenalkan oleh masyarakat bukan Islam sedangkan ia telah dipraktikkan oleh Islam lebih awal, iaitu pada zaman Nabi SAW sekitar 1400 tahun sebelumnya. Peringkat kedua melibatkan hubungan tolong menolong (*ta'awun*) antara kerajaan dengan rakyat yang dihubungkan melalui ikatan undang-undang, ekonomi dan perniagaan. Peringkat ketiga pula membawa maksud komunikasi sosial antara manusia yang berbeza agama, budaya dan tamadun dengan tujuan utama untuk mewujudkan keamanan dan kestabilan sejagat sehingga manusia boleh hidup dengan penuh rasa persaudaraan dan saling membantu pada perkara yang membawa kebaikan kepada manusia secara keseluruhan. Peringkat kedua dan ketiga juga sebenarnya telah dipraktikkan oleh Nabi SAW dan para sahabat sejurus selepas tertubuhnya negara Islam pertama di Madinah al-Munawwarah. Sehubungan itu, dalam kajian ini konsep *fiqh ta'ayush* yang dimaksudkan adalah di peringkat ketiga, iaitu komunikasi dan interaksi sosial antara masyarakat berbilang kaum dan agama bagi mewujudkan perdamaian dan keharmonian bersama.

ASAS FIQH TA'AYUSH DALAM ISLAM

Kehidupan bersama antara masyarakat yang berbilang kaum dan agama telah dipraktikkan sejak dari zaman Rasulullah SAW. Malah ia merupakan gagasan yang lahir hasil daripada manifestasi dan interpretasi bersumberkan al-Qur'an dan hadis Nabi SAW (al-Faryani 2006), antaranya:

1. Islam melarang pembunuhan orang bukan Islam disebabkan perbezaan agama, sebaliknya menyuruh umat Islam berkomunikasi dengan cara yang lemah lembut dan baik (al-Quran, al-Mumtahanah: 8; al-Nisa': 90).

2. Islam mengajak orang bukan Islam menganut agama Islam yang penuh dengan **السُّلْم**, dan meninggalkan tipudaya syaitan yang boleh membawa kepada perpecahan antara manusia (al-Quran, al-Baqarah: 208).
3. Islam mengiktiraf kesatuan dan persaudaraan antara manusia kerana berasal dari seorang bapa yang satu iaitu Nabi Adam a.s. (al-Quran, al-Nisa': 1).
4. Islam memuliakan manusia secara keseluruhan tanpa membezakan antara agama, bangsa, keturunan dan jantina. Islam juga mengangkat martabat manusia melebihi makhluk lain (al-Quran, al-Isra': 70; Hud: 118-119).
5. Allah SWT menyebutkan sebab penciptaan manusia yang terdiri dari pelbagai bangsa, keturunan dan jantina supaya mereka saling berkomunikasi dan berkenalan (al-Quran, al-Hujurat: 13) walaupun Dia mampu menjadikan manusia semuanya sama tanpa ada perbezaan (al-Quran, Hud: 118-119).
6. Galakan untuk berbuat baik kepada orang bukan Islam selagi mereka tidak memusuhi dan memerangi Islam secara terang-terangan (al-Quran, al-Mumtahanah: 8).
7. Jika terdapat pertembungan atau pertentangan antara dua negara atau Islam dengan bukan Islam, Islam sangat menggalakkan supaya kedua-dua pihak memilih perdamaian berbanding peperangan (al-Quran, al-Anfal: 61).
8. Nabi SAW sangat menjaga kepentingan, keamanan dan keselamatan orang bukan Islam yang berada di bawah pengawasan beliau:

من أدى ذميا فقد آذاني، ومن آذاني فقد آذى الله

Terjemahan: Sesiapa yang menyakitikan orang zimmi, maka dia telah menyakitiku. Sesiapa yang menyakitiku, maka dia telah memerangi Allah (al-Tabrani 1415H).

1. Ali bin Abi Talib (k.a.w) turut mengambil berat kebajikan orang bukan Islam dari kalangan orang zimmi: Harta mereka seperti harta kita, darah mereka seperti darah kita (al-Kasani 1910). Maksudnya, harta dan nyawa mereka wajib dijaga dan diperlihara sama seperti kita menjaga harta dan nyawa sendiri. Kata-kata ini juga menggambarkan keperluan berbuat baik kepada mereka.
2. Nabi SAW bersabda pada khutbahnya yang terakhir sebelum beliau wafat:

يا أيها الناس، ألا إن ربكم واحد وإن أباكم واحد. لا فضل لعربي على أعجمي، ولا لأعجمي على عربي، ولا لأحمر على أسود، ولا لأسود على أحمر إلا بالتقوى

Terjemahan: Wahai manusia, sesungguhnya Tuhan kamu satu, bapa kamu satu. Tiada kelebihan bagi orang Arab ke atas orang bukan Arab, dan (sebaliknya) tiada kelebihan orang bukan Arab ke atas orang Arab, tiada kelebihan orang berkulit coklat berbanding orang berkulit hitam, atau (sebaliknya) tiada kelebihan orang berkulit hitam berbanding orang berkulit gelap melainkan dengan takwa (Ahmad t.t.; al-Tabrani 1415H, hadis no. 4747).

3. Beliau juga menyebutkan dalam hadis lain tentang kelebihan yang ada pada agama Islam:

السلام اسم من أسماء الله، وضعه في الأرض تحية لأهل ديننا وأماناً لأهل ذمتنا

Terjemahan: *Al-Salam* adalah salah satu dari nama Allah SWT. Dia menurunkannya di dunia sebagai penghargaan kepada orang Islam dan keamanan kepada orang bukan Islam (Ahli Zimmah) (al-Tabrani 1415H).

Selain dari gagasan *fiqh ta'ayush* yang diasaskan menerusi nas al-Quran dan hadis Nabi SAW, aplikasi *fiqh ta'ayush* turut dikenalpasti dalam lembaran sirah Nabi SAW dan Khulafa' al-Rashidin selepasnya menerusi empat ciri utama iaitu sama rata (المساواة), keadilan (العدالة), berlapang dada (التسامح) dan kebebasan beragama (الحرية الدينية) (al-Faryani 2006). Islam menyeru kepada hak sama rata antara manusia walaupun latar belakang agama, bangsa, negara dan jantina. Hal ini boleh dilihat menerusi sikap Nabi SAW yang tidak membezakan antara kasta manusia, sama ada orang Islam atau bukan Islam. Salah seorang dari kabilah Bani Nadhir dan Bani Quraizah telah terbunuh dan masing-masing menuntut hak *diyat*. Bani Nadhir menuntut *diyat* penuh disebabkan kedudukan dan kasta yang tinggi bagi kabilah mereka manakala Bani Quraizah menuntut *diyat* separuh disebabkan kedudukan dan kasta yang lebih rendah. Situasi ini dibawa kepada Nabi SAW lalu turunlah ayat supaya Nabi SAW mengadili dengan sama rata tanpa membezakan antara manusia (al-Quran, al-Ma'idah: 42). Lalu Baginda SAW menjadikan *diyat* antara mereka sama sahaja tanpa ada sebarang perbezaan (Ibn Hisyam 1979). Islam juga memastikan setiap penganutnya menjalankan tanggungjawab pengadilan dengan penuh keadilan. Firman Allah SWT:

لَقَدْ أَرْسَلْنَا رُسُلَنَا بِالْبَيِّنَاتِ وَأَنْزَلْنَا مَعَهُمُ الْكِتَابَ وَالْمِيزَانَ لِيَقُومَ النَّاسَ بِالْقِسْطِ

Terjemahan: Kami telah menurunkan bukti kepada para rasul Kami, dan Kami turunkan bersama-sama mereka al-Kitab dan al-Mizan supaya mereka menghakimi manusia dengan adil (al-Quran, al-Hadid: 25).

Nabi SAW bersabda:

لا تزال هذه الأمة بخير ما إذا قالت صدقت، وإذا حكمت عدلت، وإذا استرحمت رحمت

Terjemahan: Umat ini akan sentiasa berada dalam kebaikan selagi berkata benar ketika berbicara, selagi mereka berhukum dengan adil dan selagi mereka mengasihi apabila diminta untuk mengasihi (al-Tabrani t.t., no. hadis 813; al-Musili 1984).

Terdapat dua contoh keadilan yang dipraktikkan oleh Umar al-Khattab. Pertama, beliau pernah menyerahkan hak *qisas* kepada keluarga mangsa pembunuhan yang

bukan Islam walaupun pembunuhnya adalah seorang Muslim. Kedua, beliau pernah menghakimi antara Ali bin Abi Talib dengan seorang Yahudi. Sebelum sesi perbicaraan bermula, beliau mengarahkan Ali bin Abi Talib untuk berada di bahagian yang sama dengan dengan Yahudi tersebut, “Wahai Abu al-Hasan, pergilah duduk di hadapan pihak yang mendakwa kamu”. Selepas selesai sesi perbicaraan, Umar al-Khattab meminta komen dan maklum balas dari Ali bin Abi Talib dan beliau berpuas hati dengan proses dan keputusan dari Umar al-Khattab. Namun beliau mengkritik tindakan Umar al-Khattab yang memanggilnya dengan “Abu al-Hasan” kerana panggilan *kunyah* ini adalah penghormatan kerana sepatutnya Saidina Umar memanggil Ali bin Abi Talib dengan “Ali” sahaja (Tibarrah 1988).

Islam tidak pernah memaksa golongan bukan Islam untuk menganut agama Islam. Tiada paksaan dalam menganut Islam (Quran, al-Baqarah: 256) dan bagi kamu agama kamu dan bagi kami agama kami (al-Quran, al-Kafirun: 6). Nabi SAW pernah menulis surat kepada ‘Amr bin Hazm yang diutus ke Yaman: Sesiapa yang masih beragama Nasrani atau Yahudi, maka dia tidak dipaksa meninggalkan agama mereka (Humaidullah 2001). Malah, Baginda SAW pernah mengarahkan sebahagian tentera Muslim yang merampas kitab Taurat ketika *Fath Khaibar* untuk memulangkan semula kitab mereka (al-Maqrizi 1941).

Ciri terakhir adalah berlapang dada dalam kehidupan lebih-lebih lagi dalam urusan beragama. Perkara ini dibuktikan melalui teladan masyarakat berbilang bangsa dan agama pada zaman Nabi SAW. Baginda pernah membenarkan pelawat dari Najran yang beragama Kristian menunaikan beribadah di masjid Nabi SAW dan pada masa yang sama para Muslimin sedang menunaikan solat. Teladan ini diteruskan pada zaman pemerintahan kerajaan Islam selepasnya, lebih-lebih lagi ketika berlakunya pembukaan negara oleh tentera Islam (al-Siba'i 1999).

Walau bagaimanapun, sebagai timbal balik, terdapat beberapa perkara dalam Islam yang tidak boleh disentuh oleh orang bukan Islam, khususnya dalam perkara *thawabit* dan eksklusif bagi seorang Muslim seperti isu berkaitan hukum dan syariat agama Islam. Dalam konteks semasa di Malaysia, isu undang-undang Islam, mahkamah syariah, pentadbiran Islam dan salah laku yang bertentangan dengan hukum Islam secara jelas tidak sepatutnya dicampurtangan oleh orang bukan Islam. Situasi yang sama juga melibatkan isu keagamaan kaum lain (Mohd Anuar et al. 2018a). Hal ini penting bagi memastikan keharmonian masyarakat berbilang bangsa, agama dan budaya. Justeru, satu pendekatan terbaik telah diperkenalkan oleh Islam bagi mencapai sebuah negara yang aman, damai dan harmoni walaupun terdiri dari rakyat yang berbilang bangsa, agama dan bahasa seperti Malaysia. Jelasnya, pendekatan tersebut adalah berasaskan kepada *wasatiyyah* yang menjadi paksi utama dalam ta'ayush antara orang Islam dan bukan Islam.

APLIKASI *FIQH AL-TA'AYUSH* YANG BERORIENTASIKAN PRINSIP WASATIYYAH

Wasatiyyah adalah perkataan Bahasa Arab yang berasal dari kata kerja وَسَطَ – بَسَطَ وَسَطِيَّةٌ وَسَطٌ، وَسَطِيَّةٌ –. Perkataan ini membawa pelbagai maksud antaranya: pertengahan, sederhana, adil dan terbaik (*Majma' al-Lughah al-'Arabiyyah* t.t.). Justeru, pendekatan *wasatiyyah* sewajarnya mempunyai keempat-empat ciri ini. Terdapat pelbagai kaedah yang boleh digunakan dalam aplikasi pendekatan *wasatiyyah* namun pengkaji memfokuskan kepada tiga kaedah utama iaitu (1) mengiktiraf dan menghormati hak sesama manusia, (2) Mengutamakan dialog dan perbincangan, dan (3) Saling berbuat baik sesama manusia (al-Tuwaiji 1998; al-Saqqar t.t., Mohd Anuar et al. 2018b).

Mengiktiraf dan Menghormati Hak Sesama Anggota Masyarakat

Masyarakat dunia pada hari ini hidup berbilang bangsa dan agama di kebanyakan negara, tidak kira negara tersebut majoriti Muslim atau sebaliknya. Secara umum, setiap rakyat bagi setiap negara mempunyai hak yang sama antara satu sama lain, namun ia tidak menafikan terdapat hak-hak yang berbeza lebih-lebih lagi jika ia melibatkan urusan berkaitan agama. Sebagai contoh, urusan pengurusan dan kehakiman bagi orang Islam di Malaysia mempunyai beberapa hak yang berbeza dengan orang bukan Islam. Urusan perkahwinan, harta warisan, faraid, mahkamah syariah, salah laku yang bertentangan dengan hukum Islam tidak sepatutnya dipertikai oleh orang bukan Islam kerana ia tidak mengganggu hak mereka. Justeru, sebagai rakyat Malaysia yang sudah hidup secara aman bersama-sama sepanjang hampir satu abad, sepatutnya sudah mampu mengiktiraf hak masing-masing tanpa mempertikaikan hak pihak lain. Mengiktiraf hak setiap rakyat akan membawa kepada penghormatan satu sama lain dan akhirnya menjadikan kehidupan bermasyarakat di Malaysia lebih stabil dan aman.

Mengutamakan Dialog dan Perbincangan

Dialog antara manusia berbilang bangsa dan agama bukanlah suatu perkara baru dalam Islam, sebaliknya al-Quran telah meletakkan beberapa asas penting ketika berdialog, khususnya berdialog dengan orang bukan Islam, seperti:

1. Berdialog dengan menggunakan bahasa yang baik dan sopan (al-Quran, al-Baqarah: 83). Firman Allah SWT ketika menjelaskan konsep dialog dengan orang bukan Islam: Katakanlah kepada mereka (orang bukan Islam): Siapakah yang memberi rezeki kepada kamu dari langit dan bumi? Maka jawablah: Allah. Sesungguhnya sama ada kami atau kamu berada dalam hidayah kebenaran atau tenggelam dalam kesesatan yang nyata (al-Quran, Saba': 25). Menurut al-Qurtubi, tindakan ini adalah salah satu dari cara terbaik memberi respon kepada orang

- bukan Islam berbanding menghukum mereka dengan kesesatan dan kekufuran secara terus terang (al-Qurtubi 2006).
2. Berdebat dengan cara yang terbaik, tidak cukup berpada dengan 'baik' kerana istilah yang digunakan ketika المجادلة adalah perkataan أَحْسَنُ yang bermaksud 'terbaik' (Quran, al-Nahl: 125; al-'Ankabut: 46). Hal ini demikian kerana sesi dialog biasa kurang melibatkan emosi dan lebih tenang berbanding sesi debat yang sering melibatkan emosi dan lebih tegang.
 3. Menghormati agama orang bukan Islam dengan tidak menyatakan mereka sesat dan kafir secara terus terang sebaliknya al-Quran mengajar supaya kita mencari titik persamaan ketika sesi dialog atau debat berbanding membincangkan tentang perbezaan. Hal ini boleh dilihat menerusi firman Allah SWT: Dan katakanlah (kepada mereka – Ahli Kitab): Kami beriman dengan al-Quran yang diturunkan kepada kami dan kepada Taurat dan Injil yang diturunkan kepada kamu. Tuhan kami dan tuhan kamu adalah satu, dan kepada-Nyalah kami patuh dan berserah diri (al-Quran, al-'Ankabut: 46).
 4. Larangan mencela tuhan orang bukan Islam kerana dikhuatiri akan menyebabkan respon negatif dari mereka seperti mereka mencela tuhan kita semula (al-Quran, al-An'am: 108). Menurut Qatadah, ayat ini diturunkan kerana sikap sebahagian sahabat yang telah mencela tuhan dan berhala orang kafir sehingga mereka membalas celaan tersebut dengan celaan kepada Allah SWT (Ibn Kathir 1999).

Saling Berbuat Baik Sesama Anggota Masyarakat

Semua manusia berhak untuk diperlakukan dengan baik selagi mereka tidak melakukan perkara yang boleh mengganggu orang lain. Malah, Nabi Muhammad SAW sendiri sering melakukan kebaikan kepada orang bukan Islam. Baginda pernah berdiri ketika menyaksikan orang Yahudi membawa jenazah kawan mereka walaupun terdapat sahabat yang mempersoalkan tindakannya: Bukankah ia adalah jenazah orang Yahudi? Jawab Nabi SAW: Bukankah dia juga seorang manusia? (al-Bukhari 1422H, no. hadis 1312).

Malah, Nabi Muhammad SAW tetap berbuat baik kepada bukan Islam tidak kira ketika baginda berada dalam apa jua keadaan seperti dalam peperangan dan pembukaan Kota Mekah. Baginda telah bertanya penduduk Mekah ketika *Fath al-Makkah* sedangkan mereka telah menyakiti Nabi SAW hampir sepuluh tahun: *Apakah yang kamu rasa saya akan lakukan kepada kamu semua wahai penduduk Mekah?* Jawab penduduk Mekah yang masih belum beriman: *Kamu akan melakukan perkara yang baik dan belas kasihan.* Beliau kemudian mengisytiharkan: Kamu semua bebas, jawapanku sama seperti jawapan Nabi Yusuf: "Pada hari ini, kamu semua tidak akan ditempelak atau dipersalahkan (atas perbuatan kamu dahulu), semoga Allah mengampuni dosa kamu, Dia-lah yang Maha Pengasih" (Quran, Yusuf: 92; al-Baihaqi 2003, no. hadis 18275-18276). Perkara ini merupakan contoh berbuat baik yang paling tinggi iaitu memaafkan musuh dalam yang telah kalah dan menyerah diri.

Dalam peristiwa lain, Nabi Muhammad SAW pernah ditanya oleh Asma' binti Abu Bakr mengenai hubungan beliau dengan ibunya yang masih belum menganut Islam: Adakah saya perlu menyambung silaturrahim dengannya? Jawab Nabi SAW: Sambunglah silaturrahim dengannya (al-Bukhari 1422H, no. hadis 5979). Menurut al-Khattabi, hadis ini menjadi sandaran kepada para ulama' bahawa seseorang anak yang Muslim wajib memberi nafkah kepada ibu bapanya walaupun mereka belum menganut Islam (al-'Asqalani 1986).

Dengan itu, saling berbuat baik antara orang Islam dan bukan Islam selari dengan tuntutan Islam. Ia selaras dengan asas persaudaraan kemanusiaan yang merentasi hubungan akidah dan bangsa. Justeru orang bukan Islam dapat hidup dengan harmoni bersama orang Islam di Malaysia.

KESIMPULAN

Islam adalah agama yang sentiasa mengutamakan keamanan dan kestabilan dengan gagasan *fiqh al-Ta'ayush* melalui kerangka *wasatiyyah*. Namun begitu, aplikasi pendekatan ini tidak sepatutnya terhad kepada orang yang beragama Islam atau orang yang beragama Islam dengan bukan Islam sahaja, sebaliknya perlu melibatkan semua pihak. Selain aplikasi pendekatan ini oleh rakyat biasa, pihak yang paling utama perlu mengaplikasi pendekatan *wasatiyyah* adalah sesama pemimpin negara dan media massa utama kerana merekalah yang bertanggungjawab membentuk pemikiran masyarakat (Kamali 2015).

Sehubungan itu, dalam berhadapan dengan isu-isu sensitif dalam masyarakat majmuk di Malaysia, setiap pihak perlu memainkan peranan penting sebagai warganegara yang bertanggungjawab bagi mengekalkan keharmonian bersama. *Fiqh al-Ta'ayush* yang berasaskan pendekatan *wasatiyyah* wajar menjadi asas hubungan antara kaum dan agama. Setiap pihak perlu saling hormat menghormati antara satu sama lain, saling berdialog dan berbincang bagi merungkai perselisihan faham di samping saling bantu membantu dalam membuat kebaikan antara satu sama lain merentasi kepentingan kaum dan agama.

Tuntasnya, aplikasi *fiqh ta'ayush* yang berorientasikan prinsip *wasatiyyah* perlu dimulakan dari semua pihak, sama ada dari pemimpin ke masyarakat bawahan (*top to down*) atau dari rakyat bawahan ke pihak atasan (*down to top*). Melalui penggemblengan ini, Islam mampu menjadi payung *rahmatan-lil-'alamin* dan dapat menjamin keharmonian hidup masyarakat berbilang kaum dan agama di Malaysia.

PENGHARGAAN

Kertas kerja ini adalah sebahagian daripada hasil penyelidikan geran WCP/RES-0112018/022 “Pendekatan Wasatiyyah dalam Menangani Isu Sensitif Kalangan Masyarakat Majmuk di Malaysia”.

RUJUKAN

- al-‘Asqalani, Ahmad bin ‘Ali bin Hajr. 1986. *Fath al-Bari bi Sharh Sahih al-Bukhari*. Al-Baqi, Muhammad Fu‘ad et al. (pnyt.). Beirut: Dar al-Rayyan li al-Turath.
- al-Albani, Muhammad Nasir al-Din. 1980. *Ghayah al-Maram fi Takhrij Ahadith al-Halal wa al-Haram*. Beirut: al-Maktab al-Islami.
- al-Albani, Muhammad Nasir al-Din. 1988. *Sahih al-Jami al-Saghir wa Ziyadatuhu*. Beirut: al-Maktab al-Islami.
- al-Asmar, Raji. 1997. *Al-Mu‘jam al-Mufasssal fi ‘Ilm al-Sarf*. Beirut: Dar al-Kutub al-‘Ilmiyyah.
- Astro Awani. 2014a. Penduduk tidak Merasakan Azan terlalu kuat. <http://www.astroawani.com/berita-malaysia/penduduk-tidak-merasakan-azan-terlalu-kuat-33983> [15 November 2019].
- Astro Awani. 2019b. Komik propaganda boleh jadi benih kebencian antara kaum – Gerakan. <http://www.astroawani.com/berita-malaysia/komik-propaganda-boleh-jadi-benih-kebencian-antara-kaum-gerakan-220849> [15 November 2019].
- al-Baihaqi, Ahmad bin al-Husain bin ‘Ali. 2003. *Al-Sunan al-Kubra*. ‘Ata, Muhammad ‘Abd al-Qadir (pnyt.). Beirut: Dar al-Kutub al-‘Ilmiyyah.
- Benoot, C., Hannes, K. & Bilsen, J. 2016. The use of purposeful sampling in a qualitative evidence synthesis: A worked example on sexual adjustment to a cancer trajectory. *BMC Med Res Methodol* 16, 21.
- al-Bukhari, Muhammad bin Isma‘il. 1422H. *Al-Jami‘ al-Musnad al-Sahih al-Mukhtasar min Umur Rasulullah SAW wa Sunan-hi wa Ayyam-hi*. Al-Nasir, Muhammad Zuhair bin Nasir (pnyt.). Dar Tawq al-Najah.
- Berita Harian. 2015. Selebriti agama: Berjaya selesai perebutan jenazah. <https://www.bharian.com.my/node/28638> [15 November 2019].

- Berita Harian. 2018. Hak LGBT dilayan ikut perlembagaan. <https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2018/08/461057/hak-lgbt-dilayan-ikut-perlembagaan> [15 November 2019].
- Berita Harian. 2019a. Komunikasi lemah punca debat kontroversi. <https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2019/10/620368/komunikasi-lemah-punca-debat-kontroversi> [15 November 2019].
- Berita Harian. 2019b. Ahli Parlimen Kluang gunakan contoh tidak sensitif - Kok Seong. <https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2019/08/595523/ahli-parlimen-kluang-gunakan-contoh-tidak-sensitif-kok-seong> [15 November 2019].
- Berita Harian. 2019c. PBT Selangor pasang tanda larang minum arak di taman awam. <https://www.bharian.com.my/berita/wilayah/2019/11/627383/pbt-selangor-pasang-tanda-larang-minum-arak-di-taman-awam> [15 November 2019].
- Bowen, G.A. 2009. Document analysis as a qualitative research method. *Qualitative Research Journal* 9(2): 27-40. <https://doi.org/10.3316/QRJ0902027>.
- Dusuki, Asyraf Wajdi. 2017. Sumber elektronik: <http://www.sinarharian.com.my/kolumnis/dr-asyraf-wajdi-dusuki/mengarus-perdana-fiqh-ta-ayush-1.704887> [19 Julai 2017].
- al-Faryani, 'Adil Muhammad 'Abd al-'Aziz. 2006. Al-Turki et al. (pnyt.), *Al-Ta'ayush al-Silmi fi 'Usul al-Duwal al-Islamiyyah*. Dlm. *Buhuth al-Mu'tamar al-Duwali li al-Ta'ayush al-Silmi fi al-Islami*. Hlm. 201-238. Colombo, Sri Lanka: Muslim World League.
- Free Malaysia Today (FMT). 2018. Hadi akan bentang RUU Akta 355 Bulan Depan. www.freemalaysiatoday.com/category/bahasa/2016/09/18/hadi-akan-bentang-ruu-akta-355-bulan-depan/ [15 November 2019].
- Free Malaysia Today (FMT). 2019. Kami akan dedah kebenaran, sekolah jawab dakwaan larang bacaan doa. <https://www.freemalaysiatoday.com/category/bahasa/2019/09/30/kami-akan-dedah-kebenaran-sekolah-jawab-dakwaan-larang-bacaan-doa/> [15 November 2019].
- Harian Metro. 2018. Hindraf tuntutan tanah, UiTM semua kaum. <https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2018/05/343978/hindraf-tuntut-tanah-uitm-semua-kaum> [15 November 2019].
- Harian Metro. 2019. Komik propaganda politik tak dapat kelulusan. <https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2019/10/509959/komik-propaganda-politik-tak-dapat-kelulusan> [15 November 2019].

- Humaidullah, Muhammad. 2001. *Majmu'ah al-Watha'iq al-Siyasiyyah li al-'Ahd al-Nabawi wa al-Khilafah al-Rashidah*. Beirut: Dar al-Nafa'is.
- Ibn Hisyam, 'Abd al-Malik. 1979. *Al-Sirah al-Nabawiyah*. Hammad 'Abd al-Rahim dan Muhammad 'Abdullah (pnyt.). Jordan: Maktabah al-Mannar.
- Ibn Kathir, Isma'il bin 'Umar al-Dimashqi. 1999. *Tafsir al-Qur'an al-'Azim*. Al-Salamah, Sami Muhammad (pnyt.). Riyad: Dar Tibah.
- Ismaweb. 2018. Mempertahan UiTM daripada agenda bukan Bumiputera. <https://www.ismaweb.net/2018/05/29/mempertahan-uitm-daripada-agenda-bukan-bumiputera/> [15 November 2019].
- Kamali, Mohammad Hashim. 2015. *The Middle Path of Moderation in Islam*. New York: Oxford University Press.
- al-Kasani, 'Ala' al-Din. 1910. *Badai' al-Sanai' fi Tartib al-Sharai'*. Kaherah: Maktabah al-Jamaliyyah.
- Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM). 2019. Kenyataan media: Tular isu debat Bahasa Inggeris Piala Tun Razak. <https://www.moe.gov.my/en/pemberitahuan/media-statement/kenyataan-media-tular-isu-debat-bahasa-inggeris-piala-tun-razak> [15 November 2019].
- Khrushchev, Nikita S. 1959. On peaceful coexistence. *Foreign Affairs* 38(1): 1-18.
- Lerner, W. 1964. The historical origins of the soviet doctrine of peaceful coexistence. *Law and Contemporary Problems* 29(4): 865-870.
- Majma' al-Lughah al-'Arabiyyah*. t.t. *Al-Mu'jam al-Wasit*. Beirut: Dar al-Fikr.
- al-Maqrizi, Ahmad bin 'Ali. 1941. *Imta' al-Asma' bi-ma li-al-Rasul mi al-Anbiya' wa al-Amwal wa al-Hafadah wa al-Mata'*. Mahmud Muhammad Syakir (pnyt.). Lajnah Penulisan dan Penterjemahan.
- Malaysia Today. 2019. Ahli parlimen DAP Kepong yang biadap. <https://www.malaysia-today.net/2019/08/03/ahli-parlimen-dap-kepong-yang-biadap/> [15 November 2019].
- Mansor Mohd. Noor. 2010. Hubungan Melayu dan Cina di Malaysia Masa Kini: Buta dengan Perubahan Realiti Sosial Negara, *DEMOKRASI*, 9(2): 185-207.

- Mohd Anuar Ramli, Muhammad Izzul Syahmi Zulkepli, Rahimin Affandi Abdul Rahim, Muhd Imran Abd Razak, Mohamad Naqib Hamdan & Syamsul Azizul Marinsah. 2018a. Isu-Isu Sensitif dalam Masyarakat Majmuk di Malaysia Pasca Pilihanraya Umum (PRU14): Aplikasi Pendekatan Kesederhanaan, dalam Mohd Roslan Mohd Noor et al. (eds.), *Penyelidikan Serantau Islam Dan Alam Melayu: Pendidikan, Kewangan, Kehartaan dan Isu Kontemporari*, Kuala Lumpur: Akademi Pengajian Islam, UM, 1-12.
- Mohd Anuar Ramli, Muhammad Izzul Syahmi Zulkepli, Muhamad Sayuti Mansor, Rahimin Affandi Abdul Rahim & Muhd Imran Abd Razak. 2018b. Relevansi pendekatan Wasatiyyah menurut al-Qaradawi bagi menangani ikhtilaf Fiqh dalam kalangan masyarakat Islam Nusantara. *Jurnal Wasatiyyah Malaysia* 1(1): 7-21.
- MStar. 2015. Larangan guna kalimah ‘Allah’ dalam Herald kekal- mahkamah Persekutuan. <http://www.mstar.com.my/berita/berita-mahkamah/2015/01/21/larangan-guna-kalimah-allah> [15 November 2019].
- MStar. 2018. Pasaraya sertu troli selepas pelanggan letak anjing. <http://www.mstar.com.my/berita/berita-semasa/2018/06/06/samak-troli-anjing/> [15 November 2019].
- al-Mundhiri, ‘Abd al-‘Azim bin ‘Abd al-Qawi. 2000. *Al-Tarhib wa al-Tarhib (Sahih – Dha’if)*. Al-Albani, Muhammad Nasir al-Din (pnyt.). Riyad: Maktabah al-Ma‘arif.
- al-Musili, Ahmad bin ‘Ali bin al-Muthna. 1984. *Musnad Abi Ya’la al-Musili*. Husain Salim Asad (pnyt.). Damsyik: Dar al-Ma’mun li al-Turath.
- Palinkas, L. A., Horwitz, S. M., Green, C. A., Wisdom, J. P., Duan, N. & Hoagwood, K. 2015. Purposeful Sampling for Qualitative Data Collection and Analysis in Mixed Method Implementation Research. *Administration and policy in mental health* 42(5): 533–544.
- al-Qurtubi, Muhammad bin Ahmad al-Ansari. 2006. *Al-Jami’ li Ahkam al-Qur’an*. Al-Turki, ‘Abdullah bin ‘Abd al-Muhsin (pnyt.). Beirut: Mu’assasah al-Risalah.
- al-Saqqar, Munqidh bin Mahmud. t.th., *Al-Ta’ayush ma’a Ghayr al-Muslimin fi al-Mujtama’ al-Muslim*.
- al-Siba’i, Mustafa. 1999. *Min Rawai’ Hadarat-na*. Beirut: Dar al-Warraq dan al-Maktab al-Islami.
- Sinar Harian. 2014. Kronologi kes kalimah Allah. <http://www.sinarharian.com.my/semasa/kronologi-kes-gereja-guna-kalimah-allah-1.352432> [15 November 2019].

- Sinar Harian. 2017. Pengusaha dobi 'Muslim Sahaja' mohon maaf. <http://www.sinarharian.com.my/edisi/johor/pengusaha-dobi-Muslim-sahaja-mohon-maaf-1.735924> [15 November 2019].
- Sinar Harian. 2019. Tiada larangan minum arak di tempat awam di Selangor. <https://www.sinarharian.com.my/article/56704/EDISI/Selangor-KL/Tiada-larangan-minum-arak-di-tempat-awam-di-Selangor> [15 November 2019].
- The Star. 2014. Deepa case: Appeals court says no to Muslim convert father for son's custody. <https://www.thestar.com.my/news/nation/2014/12/17/court-of-appeal-rules-against-Muslim-convert-father-in-deepa-case/> [15 November 2019].
- Tibarrah, 'Afif 'Abd al-Fattah. 1988. *Ruh al-Din al-Islam: 'Ard wa Tahlil li Usul al-Islam wa Adab-hu wa Ahkam-hu Taht Daw' al-'Ilm wa al-Falsafah*. Beirut: Dar al-'Ilm li al-Malayin.
- al-Tuwaiji, 'Abd al-'Aziz bin 'Uthman. 1998. *Al-Islam wa al-Ta'ayush bayn al-Adyan fi Ufuq al-Qarn al-Hadi wa al-'Ishrin*. Morocco, ISESO.
- Utusan Malaysia. 2016. Kemelut hak jagaan anak pasangan lain agama. <http://www.utusan.com.my/rencana/utama/kemelut-hak-jagaan-anak-pasangan-lain-agama-1.191781> [15 Ogos 2019].
- Utusan Malaysia. 2018a. Kula Segaran nafi dakwa Melayu pendatang. <http://www.utusan.com.my/berita/politik/kula-segaran-nafi-dakwa-melayu-pendatang-1.717865> [15 Ogos 2019].
- Utusan Malaysia. 2018b. I-Guru bimbang pengiktirafan UEC. <http://www.utusan.com.my/berita/nasional/i-guru-bimbang-pengiktirafan-uec-1.705038> [15 Ogos 2019].
- Utusan Malaysia. 2018c. Bantah pengiktirafan UEC. <http://www.utusan.com.my/berita/politik/bantah-pengiktirafan-uec-1.704066> [15 Ogos 2019].
- Utusan Malaysia. 2018d. UiTM Nafi terima arahan pelajar bukan Bumiputera. <http://www.utusan.com.my/berita/nasional/uitm-nafi-arahan-terima-pelajar-bukan-bumiputera-1.670913> [15 Ogos 2019].